

No. Siri: JPW.600-5/10/6 (26)



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM ADVOKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL

TUJUAN

1. Garis panduan ini bertujuan memberi panduan pelaksanaan program advokasi berkaitan langkah-langkah pencegahan dan meningkatkan kesedaran tentang gangguan seksual di kalangan semua lapisan masyarakat.

LATAR BELAKANG

2. Berdasarkan seksyen 2 Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840], gangguan seksual ditakrifkan sebagai apa-apa kelakuan tidak diingini yang bersifat seksual dalam apa-apa bentuk, sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, isyarat atau fizikal, yang ditujukan kepada seseorang yang secara munasabahnya menyinggung atau menghina

atau merupakan suatu ancaman kepada kesejahteraannya.

3. Gangguan seksual boleh terjadi di mana sahaja seperti tempat kerja, mana-mana institusi pendidikan awam atau swasta dan tempat awam. Ia juga boleh berlaku melalui apa jua bentuk termasuk dalam talian dan kepada mana-mana individu tanpa mengira jantina, usia, kaum ataupun agama.

4. Isu gangguan seksual perlu diberi perhatian yang khusus kerana ia boleh mendorong kepada perlakuan jenayah seksual yang lebih berat dan serius seperti serangan atau keganasan seksual termasuk ugutan dan rogol. Perlakuan gangguan seksual tidak wajar dianggap kecil, remeh dan tidak penting kerana ia memberi kesan negatif terutamanya kepada psikologi mangsa seperti trauma, fobia, takut dan seterusnya menjelaskan rutin harian, produktiviti, kesejahteraan dan kehidupan mangsa secara keseluruhannya.

5. Terdapat beberapa perundangan sedia ada dalam mengendalikan isu melibatkan gangguan seksual buat masa ini. Kanun Keseksaan [Akta 574] merupakan antara akta yang melindungi mangsa gangguan seksual di bawah undang-undang jenayah. Namun, tiada definisi bagi gangguan seksual secara spesifik dinyatakan di bawah akta ini. Perlakuan yang boleh dianggap sebagai perbuatan gangguan seksual di bawah akta yang bersifat jenayah memerlukan pembuktian elemen mens rea atau niat jahat seseorang yang sering kali sukar dibuktikan dalam kes-kes gangguan seksual dan membabitkan standard pembuktian (*standard of proof*) yang lebih tinggi iaitu tanpa keraguan munasabah (*beyond reasonable doubt*).

Pembuktian dan prosiding di bawah undang-undang jenayah turut mengambil masa yang panjang dan tiada *redress* atau *remedy* khusus kepada mangsa.

6. Selain itu, Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792] turut digubal bagi melindungi dan memberi perlindungan yang lebih menyeluruh kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa kesalahan seksual. Kesalahan-kesalahan di bawah akta ini adalah merupakan kesalahan jenayah dan melibatkan prosedur jenayah sebagaimana di bawah Akta 574.

7. Seterusnya, gangguan seksual yang berlaku di tempat kerja buat masa ini ditangani melalui Akta Kerja 1955 [Akta 265] bagi sektor swasta, manakala bagi sektor awam adalah melalui Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] dan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM), Ceraian PO.3.1.2 iaitu Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja. Pindaan Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2022 [Akta A1651] yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2023 menambah seksyen 81H dengan mewajibkan majikan hendaklah sepanjang masa mempamerkan notis mengenai gangguan seksual di tempat kerja untuk meningkatkan kesedaran tentang gangguan seksual.

8. Namun, pemakaian Akta 265 adalah terhad kepada Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja, dan tidak termasuk Sabah dan Sarawak serta keputusan untuk meneruskan siasatan ke atas kes gangguan seksual adalah bergantung kepada pertimbangan dan budi bicara majikan.

9. Selain itu, seksyen 14 Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 [Akta 336] memperuntukkan hukuman denda kepada sesiapa pun yang menggunakan perkataan-perkataan yang kurang sopan, mengugut, aib atau menghina atau berkelakuan dengan cara yang mengugut atau menghina atau menampalkan atau melekatkan atau mempamerkan sebarang kertas bertulis atau lukisan yang kurang sopan, mengugut aib atau menghinakan.
10. Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] pula memperuntukkan hukuman denda dan penjara bagi kesalahan menggunakan suatu perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi dengan atau jelik dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain.
11. Akta 840 telah digubal sebagai suatu alternatif dalam menangani perlakuan gangguan seksual di samping perundangan dan dasar sedia ada meliputi semua lapisan masyarakat. Penubuhan Tribunal khusus di bawah akta ini yang merupakan suatu forum alternatif bersifat sivil diharap dapat membantu mengendalikan aduan gangguan seksual dengan lebih cepat dan melibatkan kos yang minimum. Selain itu, aduan juga dikendalikan berdasarkan perundangan sivil di mana melalui beban pembuktian aduan adalah secaraimbangan kebarangkalian (*balance of probabilities*) dan award yang boleh diberikan adalah dalam bentuk *redress* atau tebus rugi berbentuk sivil bagi mangsa gangguan seksual.

KESAN DAN IMPAK GANGGUAN SEKSUAL

12. Gangguan seksual memberikan kesan negatif dan trauma yang berpanjangan merangkumi aspek psikologi, fizikal dan kompetensi serta produktiviti. Peningkatan kes gangguan seksual turut mempengaruhi pencapaian tahap kesaksamaan antara lelaki dan wanita kerana masyarakat dianggap menormalisasikan gangguan seksual. Seterusnya, perlakuan ini akan memberikan kesan buruk kepada pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan. Kesan dan impak kepada semua yang terlibat antaranya adalah seperti berikut:

A. Emosi

- (i) ketidakstabilan emosi termasuk rasa terancam dan terhina;
- (ii) kurang motivasi, hilang harga diri dan keyakinan serta hilang kepercayaan;
- (iii) perubahan tingkah laku termasuk mengasingkan diri, memendam rasa; dan
- (iv) aib dan malu untuk berhadapan dengan orang sekeliling.

B. Fizikal

- (i) kesan kepada kesihatan kerana mangsa mungkin mengalami kesukaran untuk tidur, terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan alkohol;
- (ii) kebimbangan dan rasa terganggu yang berterusan; dan

- (iii) hilang tumpuan dan tidak bermaya.

C. Kewangan

- (i) kos pemulihan mangsa untuk tempoh masa yang lama;
- (ii) kebijakan mangsa yang tidak lagi bekerja;
- (iii) kos perundangan sekiranya melibatkan perbicaraan; dan
- (iv) kos kepada majikan untuk melatih pekerja baharu.

D. Kerjaya

- (i) menjadikan produktiviti dan kehadiran bekerja;
- (ii) melepaskan peluang kerjaya dan berhenti kerja; dan
- (iii) memberi imej/persepsi buruk kepada majikan yang terlibat.

MITOS DAN FAKTA BERHUBUNG GANGGUAN SEKSUAL

13. Kebanyakan masyarakat mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang kurang tepat berkaitan gangguan seksual. Sehubungan itu, antara fakta yang perlu didedahkan kepada semua adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1 Mitos dan Fakta berhubung Gangguan Seksual

Bil.	Mitos	Fakta
1.	Cara berpakaian dan perlakuan yang seksi membuka ruang untuk berlakunya gangguan seksual.	Mangsa gangguan seksual tidak dipengaruhi oleh rupa fizikal, jenis pakaian, umur dan tingkah laku.
2.	Gangguan seksual adalah perkara kecil dan menyeronokkan terutama kepada wanita walaupun mereka berpura-pura tidak menyukainya.	Gangguan seksual tidak mempunyai kaitan dengan hubungan seksual atau minat seksual atau sosial antara mangsa dan pelaku. Pelaku yang mempunyai kuasa turut menggunakan gangguan seksual untuk merendahkan mangsa.
3.	Gangguan seksual hanya berlaku kepada wanita muda.	Gangguan seksual boleh berlaku kepada wanita dan lelaki tanpa mengira usia, penampilan fizikal atau status perkahwinan.
4.	Pelaku akan menghentikan gangguan seksual sekiranya mangsa tidak menghiraukan atau mengabaikan gangguan berkenaan.	Gangguan seksual akan terus berlaku sekiranya mangsa tidak mengambil sebarang tindakan atau mengabaikannya dan mungkin dianggap sebagai persetujuan atau dorongan untuk pelaku terus melakukannya.
5.	Gangguan seksual jarang	Kes gangguan seksual berlaku dengan

	berlaku.	kerap dan ia memberi kesan kepada kehidupan mangsa.
6.	Gangguan seksual hanya dilakukan oleh individu berlainan jantina.	Gangguan seksual boleh berlaku di kalangan jantina yang sama.
7.	Mangsa tidak mempunyai masalah untuk membuat laporan.	Mangsa lebih suka mengambil sikap berdiam diri dan tidak mengemukakan laporan kerana bimbang impak dan pandangan negatif dari orang sekeliling.
8.	Pelaku tidak sengaja melakukannya.	Gangguan seksual merupakan tindakan yang disengajakan dan pelaku mempunyai niat untuk melakukannya.

PUNCA KUASA

14. Pewujudan Garis Panduan Pelaksanaan Program Advokasi Antigangguan Seksual ini adalah berdasarkan peruntukan seksyen 25 Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840].

PELAKSANAAN

15. Garis panduan ini menjelaskan dengan lebih terperinci berhubung peranan dan tanggungjawab Pentadbir Antigangguan Seksual. Ia turut mengandungi huraian lanjut berhubung pelaksanaan program advokasi yang memfokuskan kepada langkah-langkah pencegahan dan

menimbulkan kesedaran berhubung gangguan seksual kepada semua lapisan masyarakat. Penerangan dan panduan ini bertujuan untuk mendidik dan memberi pengetahuan kepada semua pihak dalam usaha memelihara dan meningkatkan kefahaman tentang norma sosial, saling hormat menghormati dan meningkatkan nilai budi bahasa serta integriti di kalangan masyarakat.

PENTADBIR

Tadbir Urus

16. Seksyen 24 Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840] telah menetapkan bahawa Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian bagi pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat merupakan Pentadbir Antigangguan Seksual. Dalam hubungan ini, Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dipertanggungjawabkan untuk membantu dan menyelaras fungsi dan peranan KSU sebagai Pentadbir.

Fungsi dan Peranan

17. Fungsi dan peranan Pentadbir adalah seperti berikut:

- (i) merumuskan dasar atau mengeluarkan garis panduan yang berhubungan dengan pencegahan dan kesedaran tentang gangguan seksual;

- (ii) menggalakkan aktiviti yang berhubungan dengan pencegahan atau kesedaran tentang gangguan seksual;
- (iii) mentadbir apa-apa perkara yang berhubungan dengan pencegahan atau kesedaran tentang gangguan seksual; dan
- (iv) melaksanakan apa-apa fungsi lain bagi pembaikan dan pelaksanaan yang sepatutnya akta ini.

PELAN TINDAKAN PROGRAM ADVOKASI BAGI PENCEGAHAN DAN KESEDARAN

18. Pelan tindakan ini merangkumi cadangan dan langkah bersesuaian bagi meningkatkan pencegahan dan kesedaran terhadap gangguan seksual dengan mensasarkan kepentingan masyarakat secara keseluruhan. Pelan tindakan ini merangkumi cadangan program/aktiviti baharu dan penambahbaikan terhadap program atau peraturan sedia ada bagi memastikan keberkesanan dalam pelaksanaan langkah pencegahan dan kesedaran gangguan seksual.

Pencegahan

19. Antara langkah pencegahan yang boleh dilaksanakan oleh semua pihak berkaitan adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2 Pelan Tindakan Pencegahan Terhadap Gangguan Seksual

Bil.	Fasiliti	Program Pencegahan	Rakan Strategik
1.	Tempat kerja	<p>(i) Menubuhkan jawatankuasa khas untuk menilai keberkesanan dan mencadangkan penambahbaikan berkaitan program pencegahan yang telah dilaksanakan di organisasi masing-masing;</p> <p>(ii) Membangunkan kod etika (<i>code of ethics</i>) dengan menetapkan syarat/klausa tertentu dalam urusan pelantikan pekerja baharu dan penawaran perkhidmatan kepada kontraktor/penyedia perkhidmatan;</p> <p>(iii) Menambah baik kod amalan/peraturan organisasi yang sedia ada;</p> <p>(iv) Mewujudkan talian aduan atau sebarang platform yang bersesuaian;</p> <p>(v) Melaksanakan kursus berkaitan pencegahan gangguan seksual berdasarkan modul yang telah dibangunkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga</p>	<p>(i) Kementerian Sumber Manusia</p> <p>(ii) Jabatan Perkhidmatan Awam</p> <p>(iii) Pihak Berkusa Melantik</p>

	<p>dan Masyarakat;</p> <p>(vi) Menampal notis peringatan di ruangan bersesuaian;</p> <p>(vii) Menambah baik prosedur aduan dan protokol tindakan; dan</p> <p>(viii) Mengadakan hebahan/promosi/peringatan/pengumuman secara berkala.</p>	
2. Pengangkutan dan fasiliti awam	<p>(i) Menambah bilangan CCTV terutamanya di kawasan berisiko, sekitar kawasan tandas dan tempat letak kenderaan serta menentukan cara pengurusan data CCTV bagi tujuan pembuktian kes;</p> <p>(ii) Menambah baik pencahayaan di kawasan berisiko;</p> <p>(iii) Menampal notis peringatan di kawasan strategik terutama dalam bentuk infografik yang mudah difahami;</p> <p>(iv) Menyediakan ruangan/tempat letak kenderaan khas untuk golongan lebih berisiko dan kuatkuasa pelaksanaannya;</p> <p>(v) Menambah baik kod amalan/peraturan organisasi yang</p>	<p>(i) Kementerian Pengangkutan</p> <p>(ii) Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan</p> <p>(iii) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya</p> <p>(iv) Pihak Berkuasa Tempatan</p> <p>(v) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia</p> <p>(vi) Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)</p>

	<p>sedia ada;</p> <p>(vi) Mewujudkan gerabak/tempat duduk berasingan untuk golongan rentan dan memastikan penguatkuasaannya;</p> <p>(vii) Mengadakan hebahan/promosi/peringatan/pengumuman secara berkala;</p> <p>(viii) Menggalakkan pekerja pembersihan untuk tandas mengikut jantina;</p> <p>(ix) Menyediakan alat penggera (<i>alarm</i>) di tempat yang strategik;</p> <p>(x) Mewujudkan aplikasi bantuan melalui telefon pintar;</p> <p>(xi) Mewujudkan talian aduan atau sebarang platform yang bersesuaian; dan</p> <p>(xii) Menambah baik prosedur aduan dan protokol tindakan.</p>	
3. Fasiliti kesihatan	<p>(i) Menambah baik prosedur aduan dan protokol tindakan;</p> <p>(ii) Menampal notis peringatan di ruangan bersesuaian;</p> <p>(iii) Menambah baik kod amalan/peraturan organisasi yang</p>	<p>(i) Kementerian Kesihatan</p> <p>(ii) Kementerian Pendidikan Tinggi</p> <p>(iii) Kementerian</p>

	<p>sedia ada;</p> <p>(iv) Melaksanakan kaji selidik secara berkala kepada semua penerima rawatan dan petugas kesihatan berkaitan gangguan seksual;</p> <p>(v) Menggalakkan petugas kesihatan mengikut jantina pesakit bagi rawatan yang tertentu dan dijadualkan;</p> <p>(xiii) Mengadakan hebahan/promosi/ peringatan/pengumuman secara berkala; dan</p> <p>(vi) Menambah bilangan CCTV terutamanya di kawasan berisiko, sekitar kawasan tandas dan tempat letak kenderaan serta menentukan cara pengurusan data CCTV bagi tujuan pembuktian kes.</p>	Pertahanan
4. Fasiliti pendidikan	<p>(i) Menambah baik prosedur aduan dan protokol tindakan;</p> <p>(ii) Menyediakan platform untuk mempelajari asas pertahanan diri;</p> <p>(iii) Menampal notis peringatan di ruangan bersesuaian;</p> <p>(iv) Melaksanakan program intervensi bagi murid yang didapati</p>	<p>(i) Kementerian Pendidikan</p> <p>(ii) Kementerian Pendidikan Tinggi</p> <p>(iii) Kementerian Belia dan Sukan</p> <p>(iv) Kementerian Sumber Manusia</p>

	<p>melakukan gangguan seksual;</p> <p>(v) Melaksanakan kaji selidik secara berkala berkaitan gangguan seksual;</p> <p>(vi) Menambah baik kod amalan/peraturan organisasi yang sedia ada;</p> <p>(vii) Melantik pengawal keselamatan dari kedua-dua jantina yang bertugas di sepanjang waktu persekolahan;</p> <p>(viii) Menyediakan ruangan khas untuk murid yang balik lambat dengan turut memasang CCTV di ruangan berkenaan (untuk sekolah);</p> <p>(ix) Melakukan rondaan secara berkala;</p> <p>(x) Mengadakan hebahan/promosi/peringatan/pengumuman secara berkala; dan</p> <p>(xi) Membangunkan satu prosedur operasi standard dalam menangani dan menguruskan kes gangguan seksual yang akan digunakan oleh sekolah.</p>	
--	--	--

5.	Pusat jagaan kanak-kanak/warga emas/OKU	<ul style="list-style-type: none"> (i) Membangunkan kod etika (<i>code of ethics</i>) dengan menetapkan syarat/klausa tertentu dalam urusan pelantikan atau penawaran perkhidmatan terhadap kontraktor/penyedia perkhidmatan; (ii) Memasang CCTV dan menentukan cara pengurusan data CCTV bagi tujuan pembuktian kes; (iii) Menampal notis peringatan di ruangan bersesuaian; (iv) Melantik pegawai bagi menjaga kebajikan kanak-kanak/warga emas dan OKU; (v) Menyediakan penjaga mengikut jantina untuk warga emas dan OKU; (vi) Mengadakan hebahan/promosi/peringatan/pengumuman secara berkala; dan (vii) Menambah baik prosedur aduan dan protokol tindakan. 	<ul style="list-style-type: none"> (i) Kementerian Perpaduan Negara (ii) Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (iii) Jabatan Kebajikan Masyarakat (iv) Pertubuhan bukan Kerajaan (NGO)
6.	Pusat Pemulihan/ Penjara/Rumah Perlindungan	<ul style="list-style-type: none"> (i) Menambah baik prosedur aduan dan protokol tindakan; dan (ii) Menampal notis peringatan di ruangan bersesuaian. 	<ul style="list-style-type: none"> (i) Kementerian Dalam Negeri (ii) Jabatan Kebajikan Masyarakat

7.	Pusat Latihan Sukan	<ul style="list-style-type: none"> (i) Menambah baik prosedur aduan dan protokol tindakan; (ii) Menyediakan deskripsi tugas yang terperinci untuk jurulatih; (iii) Membangunkan kod etika (<i>code of ethics</i>) dengan menetapkan syarat/klausa tertentu dalam urusan pelantikan atau penawaran perkhidmatan terhadap kontraktor/penyedia perkhidmatan; (iv) Menambah baik kod amalan/peraturan organisasi yang sedia ada; (v) Melantik pegawai yang terlatih untuk setiap organisasi sukan bagi melindungi kepentingan dan kesejahteraan atlet; (vi) Melaksanakan kaji selidik secara berkala kepada atlet berkaitan gangguan seksual; (vii) Menambah bilangan CCTV terutamanya di kawasan berisiko, sekitar kawasan tandas dan tempat letak kenderaan serta menentukan cara pengurusan data CCTV bagi tujuan pembuktian kes; 	<ul style="list-style-type: none"> (i) Kementerian Belia dan Sukan (ii) Majlis Sukan Negara (iii) Majlis Negeri (iv) Pihak Berkuasa Tempatan
----	---------------------	---	--

		<p>(viii) Mengadakan hebahan/promosi/ peringatan/pengumuman secara berkala; dan</p> <p>(ix) Menampal notis peringatan di ruangan bersesuaian.</p>	
8.	Pusat Hiburan/ Kesenian/ Kebudayaan	<p>(i) Menampal notis peringatan di ruangan bersesuaian;</p> <p>(ii) Menambah baik kod amalan/peraturan organisasi yang sedia ada;</p> <p>(iii) Mengadakan hebahan/promosi/ peringatan/pengumuman secara berkala;</p> <p>(iv) Menambah bilangan CCTV terutamanya di kawasan berisiko, sekitar kawasan tandas dan tempat letak kenderaan serta menentukan cara pengurusan data CCTV bagi tujuan pembuktian kes; dan</p> <p>(v) Menambah baik prosedur aduan dan protokol tindakan.</p>	<p>(i) Kementerian Komunikasi dan Digital</p> <p>(ii) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya</p> <p>(iii) FINAS</p> <p>(iv) Pihak Berkuasa Tempatan</p>
9.	Kawasan/Pusat perniagaan	<p>(i) Menampal notis peringatan di tempat-tempat yang berisiko;</p> <p>(ii) Menambah baik kod amalan/peraturan organisasi yang</p>	<p>(i) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup</p>

	<p>sedia ada;</p> <p>(iii) Menambah bilangan CCTV dan menentukan cara pengurusan data CCTV bagi tujuan pembuktian kes;</p> <p>(iv) Mengadakan hebahan/promosi/peringatan/pengumuman secara berkala; dan</p> <p>(v) Menambah baik prosedur aduan dan protokol tindakan.</p>	(ii) Pihak Berkusa Tempatan
10. Pusat Pelancongan /Rekreasi	<p>(i) Menampal notis peringatan di tempat-tempat yang berisiko dalam pelbagai bahasa;</p> <p>(ii) Menambah baik kod amalan/peraturan organisasi yang sedia ada;</p> <p>(iii) Mengadakan hebahan/promosi/peringatan/pengumuman secara berkala;</p> <p>(iv) Menambah bilangan CCTV dan menentukan cara pengurusan data CCTV bagi tujuan pembuktian kes;</p> <p>(v) Membuat pemantauan dan rondaan secara berkala; dan</p> <p>(vi) Menambah baik prosedur aduan dan protokol tindakan.</p>	<p>(i) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya</p> <p>(ii) Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan</p> <p>(iii) Pihak Berkusa Tempatan</p>

Kesedaran

20. Langkah dan tindakan yang paling berkesan untuk menangani dan mengurangkan kes gangguan seksual adalah dengan meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat. Antara perlakuan yang menjurus kepada gangguan seksual adalah seperti berikut:

- (i) permintaan untuk melakukan aktiviti seksual dengan paksaan, jenaka berbentuk lucah, mengeluarkan kenyataan berbaur seksual secara terperinci dan perbincangan tentang aktiviti atau pengalaman seksual seseorang;
- (ii) renungan, jelingan, kenyitan mata, siulan, menggeselkan badan dan memberikan komen tidak senonoh yang menimbulkan ketidakselesaan kepada seseorang;
- (iii) komen yang menyinggung perasaan dan menyentuh soal seksual, pakaian dan penampilan seseorang;
- (iv) kenyataan yang menghina atau menyinggung perasaan berkaitan jantina seseorang;
- (v) memamer atau mengedarkan gambar atau objek seks secara terperinci; dan

- (vi) jenaka, komen yang menyentuh seksualiti seseorang dan mengugut untuk mendedahkan tentang aktiviti seksual seseorang kepada orang lain.
21. Komunikasi bersifat seksual yang dilakukan dengan sengaja antara orang dewasa juga merupakan sebahagian dari gangguan seksual. Komunikasi ini merangkumi kandungan atau imej bersifat seksual termasuk antaranya pornografi, komen seksual, gerak/isyarat, atau situasi yang menjurus kepada perlakuan seksual.
22. Bagi mengelakkan individu menjadi mangsa atau pelaku kepada gangguan seksual, masyarakat perlu didedahkan kepada tindakan yang boleh diambil antaranya seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3 Tindakan yang boleh diambil oleh mangsa, pelaku, pihak berkuasa dan orang ketiga

Tindakan untuk mencegah gangguan seksual (mangsa dan pelaku)	
Bil.	Perkara
1.	Ambil serius sebarang bentuk gangguan.
2.	Bersikap proaktif dengan mengambil inisiatif atau langkah bersesuaian untuk mengelakkan terdedah kepada gangguan seksual.
3.	Ambil tahu dan sedar hak sebagai mangsa (jangan rasa bersalah).
4.	Jangan menerima gangguan seksual sebagai hanya gurauan atau

	jenaka yang membawa kepada normalisasi
5.	Jangan membiasakan diri dengan perlakuan kurang sesuai terhadap sesiapa sahaja.
6.	Jangan memulakan sebarang perlakuan yang menjurus kepada gangguan seksual.
7.	Jangan mencemuh atau memberikan komen berkaitan fizikal atau bentuk tubuh seseorang.
8.	Jangan memberikan komen, menghina, sindiran, kiasan atau bahasa tubuh menyentuh perkara seksual.
9.	Jangan menggunakan perkataan lucah atau membawa maksud lucah.
10.	Jangan memberikan pandangan yang menimbulkan ketidakselesaan kepada seseorang.
11.	Jangan melakukan sentuhan fizikal tanpa kebenaran atau sebab yang bersesuaian.
12.	Jangan berkongsi sebarang gambar, mesej atau material yang menjurus kepada perlakuan seksual.
13.	Sedar tentang perlakuan berkaitan gangguan seksual dan hindari dari melakukannya.
Tindakan sekiranya diganggu secara seksual	
Bil.	Perkara
1.	Bertindak segera dan jangan sembunyikan sekiranya diganggu.

2.	Berikan teguran kepada pelaku dan mohon untuk hentikan perlakuan berkenaan.
3.	Rekodkan perincian gangguan (masa, tempat, lokasi, saksi kejadian, apa yang berlaku, pakaian, bukti secara digital/cetak dan sebagainya).
4.	Laporkan dengan segera kepada pihak berkuasa atau ibu bapa/penjaga sekiranya melibatkan kanak-kanak.
5.	Katakan tidak kepada sebarang keadaan atau situasi yang tidak selesa.
6.	Katakan tidak kepada perlakuan yang menyinggung perasaan.
7.	Kongsi situasi yang berlaku kepada individu yang dipercayai.
8.	Mohon bantuan rakan atau individu sekeliling yang boleh dipercayai untuk menjadi saksi kepada setiap gangguan seksual yang berlaku.

Tindakan selepas melaporkan pelaku gangguan seksual (mangsa dan pihak berkuasa yang berkaitan)

Bil.	Perkara
1.	Pihak berkuasa perlu menyembunyikan maklumat pelapor.
2.	Berlaku jujur apabila melaporkan gangguan tanpa ada niat yang lain.
3.	Mulakan siasatan awal tanpa menunggu aduan secara rasmi.
4.	Lakukan siasatan dengan telus tanpa membuat sebarang

	andaian.
5.	Lindungi mangsa dari penganiayaan (<i>victimization</i>) seperti dipulaukan (<i>isolated</i>), dimalukan dan dihina (<i>humiliation</i>) dan menjelaskan laluan kerjaya.
6.	Pihak yang melakukan siasatan perlu terdiri daripada kedua-dua jantina dan tidak mempunyai kepentingan terhadap mangsa dan pelaku.

**Tindakan oleh pihak ketiga sekiranya mendengar aduan mangsa
(contoh: kawan, rakan sekerja dan keluarga)**

Bil.	Perkara
1.	Nasihatkan mangsa untuk membuat aduan rasmi.
2.	Perlu menjaga kerahsiaan dan jangan membuat spekulasi yang boleh menjelaskan kredibiliti mangsa dan kes.
3.	Jangan sebarkan cerita di sebarang medium sama ada media cetak, elektronik atau sosial kerana boleh menimbulkan aib dan salah faham.
4.	Bantu mangsa untuk menyalurkan aduan mengikut peraturan dan tatacara yang sedang berkuatkuasa.
5.	Bantu mangsa untuk mengatasi masalah trauma dengan mendapatkan khidmat nasihat psikologi dan kaunseling.
6.	Bantu mangsa dengan menyediakan tempat/persekutaran yang lebih selamat.
7.	Berani tampil sebagai saksi sekiranya melihat/memerhatikan

	gangguan seksual.
8.	Bertindak untuk hentikan atau menegur pelaku dari terus melakukan gangguan seksual terhadap mangsa.

23. Semua pihak termasuk kementerian dan agensi kerajaan, pihak swasta, pihak berkuasa di peringkat komuniti, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan Agen Perubahan yang dikenal pasti perlu bekerjasama dalam menggalakkan kesedaran di kalangan masyarakat. Antara inisiatif yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran mengenai gangguan seksual ialah seperti di **Jadual 4**.

Jadual 4 Pelan Tindakan Kesedaran Terhadap Gangguan Seksual

Bil.	Perkara	Program Kesedaran
1.	Meningkatkan kesedaran masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> (i) Melaksanakan kempen untuk menggalakkan individu membantu dan melibatkan diri secara selamat dan berkesan; (ii) Mewujudkan kumpulan sokongan (<i>support group</i>) untuk mendidik masyarakat; (iii) Melaksanakan kempen kesedaran dan ambil tahu tentang hak sebagai mangsa; (iv) Melaksanakan advokasi kepada komuniti; (v) Menjalankan kolaborasi antara komuniti, agensi Kerajaan dan pihak berkuasa; (vi) Mendidik masyarakat berkenaan pemakluman

		<p>secara tegas dan nyata (<i>inform consent</i>) untuk menolak gangguan seksual sama ada secara lisan atau bahasa tubuh;</p> <p>(vii) Memberikan pemahaman kepada masyarakat bahawa perlakuan stereotaip (<i>stereotype of behaviours</i>) yang sering dikaitkan dengan keadaan mangsa sekiranya diganggu secara seksual seperti lawan, lari dan bebas (<i>fight, flight and free</i>) tidak semestinya berlaku dalam setiap situasi;</p> <p>(viii) Menyediakan platform pemulihan kepada pelaku;</p> <p>(ix) Memberikan kesedaran kepada masyarakat berhubung berbagai kaedah dan platform yang disalahgunakan bagi mempromosi aktiviti seksual; dan</p> <p>(x) Memberikan kesedaran kepada masyarakat kesan dan implikasi gangguan seksual kepada semua yang terlibat.</p>
2.	Menyediakan platform latihan untuk membangunkan amalan komuniti (<i>community of practice</i>)	<p>(i) Melatih sukarelawan/pekerja sosial yang mampu mengesan dan bertindak terhadap gangguan seksual;</p> <p>(ii) Melatih pekerja dari penyedia perkhidmatan seperti pengawal keselamatan, polis bantuan, konduktor bas, pembantu kedai dan pramugari/pramugara agar mempunyai pengetahuan berkenaan tindakan yang perlu diambil selepas menerima aduan; dan</p>

		(iii) Mewujudkan Jaringan Kumpulan Sokongan (<i>Peer Support Network</i>) yang mahir tentang gangguan seksual. Kumpulan ini akan menjadi pendengar dan memahami isu gangguan seksual dari perspektif mangsa, membantu untuk membuat laporan serta mengatasi masalah trauma.
3.	Pendedahan kepada kanak-kanak berhubung sentuhan selamat dan tidak selamat	<ul style="list-style-type: none"> (i) Melaksanakan program pendedahan berhubung akar umbi (<i>root cause</i>) terhadap gangguan seksual; (ii) Menekankan kepentingan silihur mengenai Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial; (iii) Melaksanakan program advokasi; (iv) Menggunakan pelbagai medium untuk mendedahkan kanak-kanak tentang sentuhan selamat dan tidak selamat; dan (v) Memberikan pendedahan berhubung cara gangguan seksual dilaksanakan termasuk melalui aplikasi/permainan atas talian (<i>online game</i>), Youtube dan media sosial.
4.	Promosi dan hebahan	<ul style="list-style-type: none"> (i) Melaksanakan hebahan/promosi secara berterusan menerusi media cetak, elektronik dan sosial.

TARIKH KUAT KUASA

24. Garis panduan ini berkuat kuasa mulai 28 Mac 2023.

25. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing. Garis panduan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua pihak termasuk Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

KETUA SETIAUSAHA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

28 MAC 2023

LAMPIRAN

SENARAI AKTA/PERATURAN YANG MELINDUNGI HAK MANGSA GANGGUAN SEKSUAL

A. Melindungi hak masyarakat termasuk kanak-kanak

- (i) Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840]
- (ii) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792]
- (iii) Kanun Keseksaan [Akta 574]
- (iv) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]
- (v) Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 [Akta 336]

B. Melindungi hak pekerja

- (i) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993]
- (ii) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM), Ceraian PO.3.1.2 - Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja
- (iii) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]
- (iv) Akta Kerja 1955 [Akta 265]
- (v) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177]
- (vi) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514]
- (vii) Kod Amalan untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja 1999

LAMPIRAN

A. LOGO ANTIGANGGUAN SEKSUAL



B. TAGLINE ANTIGANGGUAN SEKSUAL

#HentikanGangguanSeksual

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. Apakah itu gangguan seksual?

Gangguan seksual boleh ditakrifkan sebagai apa-apa kelakuan tidak diingini yang bersifat seksual dalam apa-apa bentuk, sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, isyarat atau fizikal, yang ditujukan kepada seseorang yang secara munasabahnya menyinggung atau menghina atau merupakan suatu ancaman kepada kesejahteraannya.

2. Apakah contoh-contoh gangguan seksual?

- (i) Secara lisan seperti kata-kata, komen, gurauan, usikan, bunyi dan soalan-soalan berbentuk ancaman atau cadangan seksual;
- (ii) Secara bukan lisan seperti pandangan atau kerlingan yang memberikan bayangan niat atau keinginan berbentuk seksual;
- (iii) Secara visual seperti menghantar atau menunjukkan mesej berunsur seksual menerusi media elektronik, atas talian atau secara berhadapan;
- (iv) Secara isyarat seperti menggunakan isyarat yang membayangkan perlakuan seks atau lain-lain berkaitan; dan
- (v) Secara fizikal seperti segala bentuk perbuatan fizikal dalam jarak terlalu rapat sehingga menjurus kepada rasa kurang selesa.

3. Apakah kesan kepada individu yang menjadi mangsa gangguan seksual?

Gangguan seksual memberikan kesan negatif dan trauma yang berpanjang kepada mangsa merangkumi aspek psikologi, fizikal dan kompetensi serta produktiviti.

4. Apakah fakta yang perlu diketahui berkaitan gangguan seksual?

- (i) Mangsa gangguan seksual tidak dipengaruhi oleh rupa fizikal, jenis pakaian, umur dan tingkah laku;
 - (ii) Gangguan seksual boleh berlaku kepada wanita dan lelaki tanpa mengira usia, penampilan fizikal atau status perkahwinan;
 - (iii) Gangguan seksual akan terus berlaku sekiranya mangsa tidak mengambil sebarang tindakan atau mengabaikannya dan mungkin dianggap sebagai persetujuan atau dorongan untuk pelaku terus melakukannya;
 - (iv) Gangguan seksual boleh berlaku di kalangan jantina yang sama; dan
 - (v) Gangguan seksual merupakan tindakan yang disengajakan dan pelaku mempunyai niat untuk melakukannya.
5. Apakah perkara yang perlu dilakukan untuk mengelakkan menjadi seorang pelaku gangguan seksual?
- (i) Jangan memberikan komen, menghina, sindiran, kiasan atau bahasa tubuh menyentuh perkara seksual;
 - (ii) Jangan memberikan pandangan yang menimbulkan ketidaksesuaian kepada seseorang;
 - (iii) Jangan berkongsi sebarang gambar, mesej atau material yang menjurus kepada perlakuan seksual;
 - (iv) Jangan memulakan sebarang perlakuan yang menjurus kepada gangguan seksual; dan
 - (v) Jangan melakukan sentuhan fizikal tanpa kebenaran atau sebab yang bersesuaian.
6. Apakah perkara yang boleh dilakukan untuk menghindari gangguan seksual?
- (i) Bersikap proaktif dengan mengambil inisiatif atau langkah bersesuaian untuk mengelakkan terdedah kepada gangguan seksual;

- (ii) Ambil serius dan jangan normalisasikan gangguan seksual dengan hanya menganggap ianya jenaka atau gurauan; dan
 - (iii) Sedar dan tahu hak sebagai mangsa.
7. Apakah tindakan yang perlu dilakukan sekiranya menjadi mangsa gangguan seksual?
- (i) Bertindak segera dan laporkan gangguan kepada pihak berkuasa;
 - (ii) Berikan teguran kepada pelaku dan mohon untuk hentikan perlakuan berkenaan;
 - (iii) Rekodkan perincian gangguan dan simpan bukti berkaitan;
 - (iv) Katakan tidak kepada sebarang keadaan atau situasi yang tidak selesa atau perlakuan yang menyinggung perasaan; dan
 - (v) Kongsi dengan orang yang dipercayai.
8. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh mangsa dan pihak berkuasa selepas menerima laporan?
- (i) Sembunyikan maklumat pelapor/mangsa;
 - (ii) Laporan dibuat dengan jujur tanpa ada sebarang niat lain;
 - (iii) Mulakan siasatan dan ianya dilakukan dengan telus tanpa sebarang andaian;
 - (iv) Lindungi mangsa dari penganiayaan seperti diasangkan, dimalukan dan dihina; dan
 - (v) Libatkan kedua-duan jantina dalam pasukan siasatan untuk lebih adil.
9. Apakah langkah yang perlu diambil oleh pihak ketiga seperti rakan dan keluarga mangsa sekiranya mengetahui berlakunya gangguan kepada mangsa?
- (i) Nasihatkan mangsa untuk membuat aduan;
 - (ii) Jaga kerahsiaan dan jangan buat spekulasi;

- (iii) Jangan sebarkan cerita yang boleh menjasakan kredibiliti dan menimbulkan aib mangsa;
 - (iv) Bantu mangsa kemuka aduan melalui saluran dan tatacara yang betul;
 - (v) Bantu mangsa atasi trauma seperti mendapatkan kaunseling;
 - (vi) Bantu sediakan tempat/persekutaran lebih selamat kepada mangsa;
 - (vii) Berani tampil sebagai saksi; dan
 - (viii) Hentikan pelaku sekiranya melihat kejadian gangguan seksual.
10. Selain dari Akta Antigangguan Seksual 2022 [*Akta 840*], apakah akta-akta berkaitan yang melindungi mangsa gangguan seksual?
- (i) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [*Akta 792*];
 - (ii) Kanun Keseksaan [*Akta 574*];
 - (iii) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*];
 - (iv) Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 [*Akta 336*];
 - (v) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [*P.U.(A) 395/1993*];
 - (vi) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM), Ceraian PO.3.1.2 - Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja;
 - (vii) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [*Akta 605*];
 - (viii) Akta Kerja 1955 [*Akta 265*];
 - (ix) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [*Akta 177*];
 - (x) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [*Akta 514*]; dan
 - (xi) Kod Amalan untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja 1999